

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD [ PARIT SULONG ]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah dasar baru yang akan dilaksanakan Kementerian dalam mendepani cabaran Malaysia sebagai negara tua menjelang 2030 khususnya dari aspek pendidikan dan keperluan asas.

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada data unjuran penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negara kita akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 dengan jumlah warga emas seramai 5.80 juta orang atau 15.3 peratus daripada jumlah penduduk. Berdasarkan data tersebut, pecahan mengikut negeri peratusan warga emas yang tertinggi ialah negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak 20.2 peratus, diikuti dengan negeri Melaka dan Perak sebanyak 18.4 peratus dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 17.2 peratus. Manakala negeri yang mempunyai populasi warga emas tertinggi adalah di negeri Selangor dengan jumlah populasinya 7.62 juta penduduk diikuti negeri Sabah dengan jumlah 4.68 juta dan negeri Johor dengan jumlah 4.41 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi persiapan ke arah menghadapi negara mencapai status negara tua, Kerajaan telah mengambil langkah awal dengan menggubal Dasar Warga Tua sejak tahun 1995. Dasar tersebut telah disemak semula dan dipinda pada tahun 2011 selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Di samping itu, Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) juga telah digubal dan dilaksanakan bagi tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Pada masa ini, Kementerian tiada perancangan untuk meminda dasar sedia ada atau mewujudkan dasar baharu untuk warga emas memandangkan falsafah, nilai dan prinsip dasar masih relevan dan adalah diadaptasi daripada prinsip antarabangsa Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dan *Madrid International Plan of Action on Ageing*. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang dalam proses menyemak semula Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN), 2018-2030 bagi menambah baik perancangan program / aktiviti serta pelaporan dan pemantauan PTWEN. Sementara itu, Kementerian juga sedang meneliti

cadangan untuk mewujudkan satu akta khusus untuk warga emas bagi melindungi kebajikan dan hak asasi golongan tersebut. Terdapat satu akta yang telah diluluskan pada baru-baru ini iaitu Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 yang akan dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan untuk Memenuhi Keperluan Warga Emas Menjelang Tahun 2030 yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, lebih daripada 80 peratus responden warga emas mengharapkan mereka dijaga oleh anak mereka dan diikuti oleh pasangan mereka. Selain itu, hampir 78 peratus tidak ingin berpindah dari tempat kediaman semasa mereka. Penemuan ini menunjukkan bahawa warga emas lebih cenderung untuk menua di tempat semasa atau dengan izin *ageing-in-place*. Oleh sebab itu, segala pelan dan program Kerajaan kita harus mengunjur terhadap keperluan ataupun hasrat majoriti warga emas ini.

Inisiatif untuk menggalakkan Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam kalangan warga emas dilaksanakan melalui program *University of 3rd Age* (U3A) oleh Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia (MyAgeing, UPM) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Selain itu, institusi pendidikan tinggi contohnya Universiti Sains Malaysia dan Open University Malaysia juga menyediakan infrastruktur yang mesra warga emas dan memberi diskaun antara 50 peratus hingga 75 peratus dari yuran pengajian kepada warga emas yang kurang mampu bagi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Jumlah pelajar warga emas di Universiti Awam (UA) adalah 295 orang. Berikut adalah jumlah pelajar warga emas mengikut peringkat pengajian (2017):

- 1) PhD : 179
- 2) Sarjana : 52
- 3) Sarjana Muda : 42
- 4) Diploma : 20
- 5) Profesional : 2

Jadi usia ini tidak mengekang seseorang daripada terus mendapatkan pendidikan.

Bagi menampung keperluan asas untuk warga emas yang kurang mampu, JKM memberi Bantuan Orang Tua (BOT) sebanyak RM350 sebulan seorang. Kementerian ini tidak ada perancangan untuk menyemak bantuan ini kerana bantuan bulanan ini telah dinaikkan pada Januari 2018 iaitu peningkatan sebanyak RM50.00. Setakat ini seramai 136 ribu warga emas menerima Bantuan Orang Tua dan menggunakan bajet sebanyak 268 juta.

Untuk skim baru yang telah diadakan adalah skim i-Suri yang bertujuan untuk menggalakkan simpanan hari tua dan dalam masa yang sama, Kementerian Sumber Manusia sedang melaksanakan kajian mengenai penggajian dan guna tenaga warga emas di Malaysia bagi meningkatkan peluang pekerjaan warga emas. Jadi apabila Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan kajian tersebut, Kementerian ini boleh duduk bersama Kementerian yang lain untuk melihat dan membantu warga emas yang hendak bekerja semula untuk balik kepada dengan izin *workforce* sedia ada.